



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 22 RABU 2 JUN 1971 رابو 8 ربيع الاخير 1391 PERCHUMA

D.Y.M.M. MENYAMPAIKAN PANJI2 KAPADA AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemar-duli ka-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Isnin kerana upacara perbarisan dan penyampaian panji2 baginda yang baharu kepada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Panji2 baharu itu ia-lah yang kedua di-kurniakan kepada pasokan itu dan yang pertama ia-lah dalam tahun 1966 oleh Colonel-In-Chief pasokan itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan semasa Duli Yang Teramat Mulia itu menjadi Sultan.

Panji2 tersebut sekarang di-kenali sa-bagai panji2 Colonel-In-Chief.

Sa-belum upacara penyampaian panji2 itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan di-iringi oleh Dato Setia, Colonel J.J.H. Simpson, telah memereksa satu perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota2 pasokan itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kemudiannya menyampaikan panji2 itu kepada pegawai panji2 Lt. Muda Yahya bin Haji Abdi Manaf.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kemudiannya telah menyampaikan titah ucapan dari pentas diraja yang di-buat khas di-padang itu.

Pada sebelah petang, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat berchemar duli ka-Tambahan Bandar Seri Begawan untuk menerima tabek kehormatan dari Angkatan Laut regiment itu.


Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menerima tabek kehormatan di-atas kapal M.V. Bol-kiah yang di-hias dengan indah.

Kapal2 yang mengambil bahagian ia-lah K.D. Pahlawan, K.D. Saleha, K.D. Masna dan tiga buah kapal ronda.

Sa-banyak 13 buah assault boat dan sa-buah hovercraft juga telah mengambil bahagian.

Achara itu telah di-akhiri dengan penerbangan rendah melalui di-hadapan baginda oleh tiga buah helikopter dan sa-buah kapal terbang Askar Melayu Diraja Brunei.

Sepanjang upacara itu di-jalankan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah di-iringi oleh Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei Dato Setia Colonel J.J.H. Simpson.



Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan Panji2 kepada pegawai panji2, Lt. Muda Yahya bin Haji Abdi Manaf. Di-kanan sekali ia-lah Dato Setia Colonel Simpson.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-upacara2 itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Colonel-In-Chief Askar Melayu Diraja Brunei, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A.R. Adair, Y.T.M. Seri Paduka Duli 2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Menteri Besar Yang Amat Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran2, Pehin2 ketua2 jabatan kerajaan dan orang2 kenamaan.

Titah Duli Yang Maha Mulia di-upacara penyampaian panji2 itu sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:-

AYAHANDA beta, Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Colonel-In-Chief, Col. Dato Simpson, pegawai2 dan semua perengkat Askar Melayu Diraja Brunei.

Alhamdulillah, pada hari ini beta berasa bangga dan dapat menghadiahkan Panji2 Pertama beta bersempena memperingati hari jadi yang ke-sepuluh pasokan ini.

Sungguh pun pasokan ini maseh muda, pasokan ini telah pun men-chapai kejayaan dan memperoleh nama baik bukan sahaja di-dalam negeri tetapi di-United Kingdom dan Australia kerana tingkah laku dan tata-tertib berdisiplin dan laila chergas dan berkehekeapan. Ini ada-lah terbukti pada hari ini.

Di-perbarisan ini beta ingin menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kepada ketua perbarisan Lt. Col. Davis dan semua perengkat pasokan ini. Indah pada melailakan kekemasan dan perangai kamu ada-lah sa-imbang dengan apa saja pasokan dalam dunia.

Bagaimana beta ketahui pasokan ini telah pun mengambil bahagian di-dalam tiga latehan yang besar2-an di-masa dua bulan yang lalu dan telah pun membuktikan dan berkesan. Beta juga ketahui Awang2, baru sahaja 10 hari yang lalu Awang2 telah pun menjalankan latehan yang besar2an yang baru pernah di-jalankan di-Bru-

nei. Ini membuktikan bahawa Awang2 baru saja keluar dari hutan dan terus ka-padang perbarisan dengan begitu chepat dan ini ada-lah satu tanda yang membuktikan kehekeapan pasokan ini.

Semenjak beta memegang takhta Kerajaan, beta telah pun meng-

(Lihat Muka 8)

Pegawai2 Kerajaan di-jemput hadhiri cheramah tafsir Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menjemput pegawai2 Kerajaan yang beragama Islam untuk hadir dalam majlis cheramah tafsir Al-Quran yang di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Majlis yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Uga ma itu telah berjalan sejak beberapa bulan yang lalu dengan mendapat sambutan yang menggalakan dari Umat Islam, khususnya yang tinggal di-sekitar Bandar Seri Begawan.

Majlis tersebut akan terus di-adakan pada tiap2 malam hari Sabtu dalam masa di-antara sa-lepas waktu sembahyang fardhu maghrib hingga ka-waktu sembahyang fardhu Isa.

Penafsir2 ayat2 dalam Kitab Suchi Al-Quran itu ada-lah terdiri dari pegawai2 kanan dari Jabatan Hal-Ehwal Uga ma sendiri termasuk Mufti Kerajaan, Yang Di-Muliakan

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Dalam surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang terbitkan baru2 ini, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara telah menjemput pegawai2 Kerajaan yang beragama Islam supaya menghadiri majlis tafsir Al-Quran itu.

“Ada-lah di-harapkan dengan menghadhiri cheramah2 itu, pegawai2 Kerajaan akan dapat memetik serba sedikit ajaran2 Kitab Suchi Al-Quran bagi panduan mereka dalam menjalankan urusan2 Kerajaan”, sabda Yang Amat Mulia itu.



Sambutan Maulud di-sana sini

PEKAN TUTONG. — Kira2 3,000 orang umat Islam di-Daerah Tutong yang mewakili persatuan2 belia, kampung2 dan sekolah2 mengambil bahagian dalam satu perarakan Maulud di-Pekan Tutong pada hari Sabtu lepas.

Pasokan2 tersebut pada mula-nya berhimpun di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim untuk mendengar ucapan2 khas dan sharahan mengenai riwayat hidup Nabi Mohammad s.a.w. dan ajaran2 baginda.

Di-antara yang menyampaikan ucapan di-perhimpunan itu ia-lah Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin.

Perarakan yang panjang-nya kira2 dua batu mengelilingi Pekan Tutong itu di-dahului oleh ahli2 Jawatankuasa Sambutan Maulud Nabi Daerah Tutong, di-antara-nya termasuk-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan jemputan2 khas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja kemudian-nya telah menyampaikan sijn2 kepada semua pasokan yang mengambil bahagian.


DI-PEKAN MUARA. — Penduduk2 Mukim Muara juga telah mengadakan sambutan Maulud, dengan satu perarakan di-Pekan Muara pada hari Juma'at lepas dalam mana kira2 lima ratus orang terdiri dari orang2 dewasa, kanak2 sekolah dan persatuan2 kampung di-sekitar mukim itu, telah mengambil bahagian.

Sa-belum memulakan perarakan kira2 sa-batu mengelilingi Pekan Muara, para peserta telah berhimpun di-perkarangan Mesjid Setia Ali.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman

Salah sa-buah pasokan dari penduduk2 kampung yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Pekan Muara (gambar atas kiri).

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Ag. Hj. Md. Zain ketika di-perkenalkan kepada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Pekan Tutong oleh Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh (gambar atas kanan).



bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berucap di-rapat tersebut.

Sharahan mengenai perjuangan dan sejarah Nabi Mohammed s.a.w. telah disampaikan oleh Timbalan Kadzi Besar, Awang Abdul Hamid bin Bakal.

DI-JERUDONG. — Penduduk2 Jerudong juga telah merayakan Hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. dengan satu rapat di-padang Sekolah Melayu Jerudong

Perayaan itu telah bermula pada pukul 1.30 tengah hari.

Anggota2 jawatankuasa perayaan itu kemudian-nya telah mengemui dalam perarakan dan kembali berkumpul semula di-padang itu untuk mendengar sharahan mengenai riwayat Nabi Mohammad.

Pertandingan membaca Quran juga telah di-adakan di-dewan sekolah itu pada sebelah pagi-nya.



Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup ketika menyampaikan ucapan di-rapat bagi meraikan hari lahir Nabi Mohammad s.a.w. di-Pekan Bangar baru2 ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain sedang menyampaikan sijn2 kenang2an kepada salah sa-orang ketua pasokan yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Pekan Tutong.

Sa-bahagian dari pasokan2 kanak2 sekolah berarak mengelilingi Pekan Muara dalam sambutan Maulud yang telah di-adakan pada hari Jumaat lepas.



Menurut suatu kenyataan baru2 ini bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sedang menganjurkan Peraduan Menulis Cherita Tatar'ayat. Apakah yang di-maksudkan dengan CHERITA TATARA'AYAT?

Untuk menyenangkan ada baik-nya ungkapan CEHRITA TATARA'AYAT itu saya panjangkan menjadi TATARA'AYAT YANG DI-OLAH DALAM BENTOK CHERITA. Tafsiran "cherita" tak perlu saya terangkan tetapi tafsiran "tatara'ayat" elok rasa-nya di-terangkan. Tata-ara'ayat di-kenal juga dengan nama *sibik* dan pengertiannya yang sengkak ia-lah pemahaman chara manusia hidup dan bekerjasama dalam suatu masyarakat dan hubungan manusia itu dengan alam sekeliling-nya. Sa-tiap anggota masyarakat, baik anggota masyarakat rumah-tangga, masyarakat kampung, masyarakat daerah dan sa-terus-nya masyarakat negara, ada mempunyai tanggung-jawab masing2. Hal2 ini-lah yang akan di-olah dalam bentuk cherita.

Apakah tujuan utama peraduan ini di-anjurkan?

Tujuan utama peraduan ini di-anjurkan ia-lah untuk:

- mengasah kanak2 untuk mengenal identiti positif bangsa-nya melalui hidup bermasyarakat;
- memperkembangkan watak2 warganegara yang baik dalam jiwa kanak2; dan
- menanamkan kekuatan semangat, peribadi dan disiplin melalui kerja dan amalan sa-hari2.

Dapat saya jelaskan di-sini bahawa dengan ungkapan "identiti positif" itu ia-lah sesuatu tindakan atau pemikiran yang bersifat rasional dan lebeh banyak memberi *asset* kepada pembuat-nya, kumpulan atau pun masyarakat. Mithalnya konsep *memuchang-muchang* itu ia-lah satu identiti Brunei yang positif.

Oleh kerana ini ia-lah peraduan menulis cherita, apa-kah tema yang di-persyaratkan kepada sa-tiap penulis?

Tema cherita ia-lah "untuk membimbing kanak2 memahami hidup bermasyarakat dalam hubungan-nya dengan keluarga, sekolah dan negara-nya yang menggambarkan identiti Brunei yang positif dan ideal". Dari tema cherita ini para penulis di-kehendaki membuat rangka-cherita seperti berikut:

- keseluruhan cherita bertolak dari satu keluarga yang mengandongi ibu, ayah, tiga atau empat orang anak;
- taraf kehidupan keluarga ini ada-lah sederhana;

Temuramah mengenai syarat2 dan peraturan2 peraduan mengarang Cherita Tatar'ayat anjoran DBP

- "ayah" dalam keluarga ada-lah sa-orang yang berjaya dalam pekerjaan-nya dan melibatkan diri dalam pembangunan negara; dan
- sa-kurang2-nya dua atau tiga orang anak yang sudah bersekolah.

Sa-bagaimana yang telah di-ma'alomi bahawa keseluruhan cherita di-bahagikan kepada tiga bab dan beberapa pelajaran. Apa-kah yang di-maksudkan dengan pechahan bab dan pelajaran ini?

Yang di-maksudkan dengan pechahan bab dan pelajaran ini ia-lah rangka-cherita yang bertolak dari satu keluarga yang baru saja saya terangkan tadi hendak-lah di-bahagikan kepada beberapa bab, sa-kurang2nya tiga bab, seperti:

- bab pertama, kegiatan di-sekitar keluarga;
- bab kedua, kegiatan di-sekitar sekolah; dan
- bab ketiga, kegiatan di-sekitar luar-rumah.

Ini-lah yang di-maksudkan dengan pechahan bab tersebut. Mengenai dengan pechahan pelajaran pula ia-lah bahagian2 kecil yang terkandung dalam satu2 bab. Umpama-nya terkandung dalam bab *Di-sekitar Keluarga* terdapat bahagian2 kecil atau pelajaran, seperti mempelajari hubungan keluarga, mendidik kanak2 supaya berperangai baik, menolong atau menghormati ibu-bapa, dan sa-bagai.

Apakah syarat2 lain yang di-kenakan kepada sa-tiap penulis yang ingin menyertai peraduan Menulis Cherita Tatar'ayat ini?

Sharat2-nya antara lain ia-lah:

- sa-tiap penulis di-hadkan menghantar sa-buah cherita dan dalam satu salinan sahaja;
- cherita hendak-lah sesuai untuk bacaan murid2 Darjah IV;
- cherita hendak-lah karangan asli, bukan terjemahan atau penyesuaian dan belum pernah tersiar di-mana2;

- ejaan dan bahasa hendak-lah menurut kaedah ejaan dan bahasa Melayu yang di-gunakan di-sekolah2 sekarang;

- naskah cherita hendak-lah di-hantar berserta borang yang di-sediakan; dan

- tarikh penutup peraduan ini ia-lah pada 30hb. September, 1971.

Akhir-nya di-beri peluang kepada Awang untuk memberi sa-patah dua kata kepada penulis2 tanah ayer mengenai dengan peraduan ini.

Kapada semua penulis yang ingin menyertai dalam peraduan ini, perkara utama yang ingin saya tekankan dan mesti di-amil perhatian oleh sa-tiap penulis ia-lah sa-belum menulis teliti dan fahamkan dahulu segala yang terkandung di-dalam *Sharat dan Peratoran* peraduan ini. Perkara ini ada-lah amat penting kerana semua cherita akan di-hakimkan berdasarkan kepada *Sharat dan Peratoran* yang telah di-tetapkan. Walau pun sa-buah cherita itu bagus, bermutu tetapi tidak akan bererti dalam peraduan ini sa-kira-nya ia terkeluar dari *Sharat dan Peratoran* peraduan ini. Umpama-nya, peraduan ini ia-lah Peraduan Menulis Cherita Tatar'ayat, jangan-lah di-tulis dalam bentuk *esei* kerana yang di-kehendaki ia-lah bentuk cherita; peraduan ini meng-hendaki keseluruhan cherita hendak-lah bertolak dari satu keluarga yang mengandongi ibu, ayah dan tiga atau empat orang anak, jangan-lah di-tulis kisah beberapa keluarga dalam sa-buah kampung.

Penulis boleh menyentoh keluarga2 lain tetapi harus-lah di-ingat bahawa pokok atau rangka-cherita mesti bertolak dari satu keluarga. Umpama-nya, satu keluarga itu terdiri dari Chegu Ahmad, isteri-nya Dayang Siti dan anak2 mereka Awang Ali, Dayang Mulia dan Awang Setia. Dari kegiatan2 anggota2 keluarga ini-lah menjawai seluruh cherita. Kegiatan2 mereka itu hendak-lah merangkum hal2 sekitar keluarga, sekitar sekolah dan sekitar luar rumah. Watak2 lain

BERIKUTAN dengan ter-siar-nya sharat2 dan peraturan2 untuk memasuki peraduan mengarang CHERITA TATARA'AYAT, maka beberapa orang pembaca telah ingin tahu keterangan lanjut berhubung dengan peraduan itu. Di-antara mereka yang bertanya itu, mungkin terdapat yang berkeinginan untuk memasuki peraduan tersebut dan mengharap panduan2 yang lebeh jelas. Oleh itu, berikut ini di-siarkan temu-ramah berhubung dengan peraduan itu. Mudah2-an akan dapat memberi faedah kepada mereka khususnya dan pembaca umum-nya. — Pengarang.

boleh juga di-sentuh tetapi watak2 ini hendak-lah di-olah sa-bagai watak2 sampiran saja dan berfungsi untuk menguatkan atau menghidupkan lagi watak2 utama tadi. Umpama-nya, perhubungan Chegu Ahmad dengan badan2 kebajikan di-kampung-nya, perhubungan Dayang Siti dengan jiran-nya dan sa-umpama-nya, kerana seperti saya terangkan awal2 tadi pengertian "tatara'ayat" itu ia-lah pemahaman chara manusia hidup dan bekerjasama dalam suatu masyarakat. Dengan cherita ini dapat-lah kita mengajar kanak2 untuk memahami alam sa-keiling dan masyarakat-nya. Sa-kali lagi saya tegaskan sa-belum menulis, teliti dan fahamkan dahulu *Sharat dan Peratoran* peraduan ini.

Perkara kedua, dan ini khas saya tujukan kepada penulis2 yang saban hari berganding rapat dengan pendidikan anak2 dan kepada penulis2 tanah ayer 'am-nya yang chenderong dalam hal2 tatar'ayat. Sertainlah peraduan ini dengan penoh kejujuran dan tanggung-jawab ia-itu etik yang di-anut oleh sa-orang penulis. Jangan-lah hadiah di-jadikan sa-bagai takah memasuki peraduan ini; pandang-lah ka-muka dan bayangkan chorak-bentuk bangsa kita akan datang. Penulis adalah perakam zaman-nya tetapi ia juga sa-orang yang kreatif. Gunakanlah alat yang ada pada kamu itu dengan penoh kejujuran dan tanggung-jawab. Para penulis akan bersetuju dengan saya bahawa kita tidak menghendaki anggota2 masyarakat yang dudok atas pagar dan saban hari tahu berkokok, sedangkan di-sekeliling mereka orang2 membanting tulang, bangun-rebah untuk membangun dan menguasai tingkat gelagar sa-gumpal tanah yang di-sebut Brunei ini. Kita hendak membentok anggota2 masyarakat kita sa-bagai *asset* dan bukan-nya *liability* kepada negara. Sa-bahagian tugas ini ada mengampai di-tangan kamu, golongan penulis.

PELITA BRUNEI

26h. Jun, 1971.

SA-PULOH TAHUN AMDB

SEMPENA menyambut 10 tahun Askar Melayu Diraja Brunei, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menganugerahkan PANJIT PERTAMA Baginda kepada pasukan itu.

Dalam tiada khas di-upacara penyampaian panji2 itu, telah di-pegaskan Baginda betapa Baginda telah mengikuti perkembangan, kecekapan dan kepandaian pasukan itu. Baginda juga tahu bahawa pasukan itu bukan saja satu pasukan perayaan, tetapi juga pasukan yang cekap serta terlatih dan mempunyai moral yang tinggi.

Dalam usia-nya yang masih muda, Askar Melayu Diraja Brunei dalam jangka waktu yang pendek itu telah dapat mengharumkan nama Brunei Darussalam sehingga ke negara2 luar seperti di-Australia dan United Kingdom ketika masa pertunjukan2 ketenteraan pernah di-adakan di-sana dan di-mambil bahagian oleh AMDB.

Dari segi ketenteraan yang teguh dan mengamalkan tata-tertib, pasukan itu tidak diragukan lagi telah dapat membayangkan imej bangsa. Di-tolak dengan pertunjukan2 berdasarkan kepada kegemilangan Adat Istiadat, maka gambaran keBruneian di-negara2 luar yang di-hidangkan oleh pasukan AMDB itu telah dapat mendekatkan lagi pengetahuan orang2 luar terhadap Brunei. Orang2 luar telah dapat menyaksikan bagaimana gambaran itu di-persembahkan bagai rupa sehingga mereka tidak ragu2 memberikan tepukan yang bergemuruh bagi menandakan kekaguman terhadap keindahan Brunei dan orang2nya. Sejarah ini, tidak banyak orang2 luar yang tahu mengenai Brunei dan keadaan-nya. AMDB maju sa-tapak karah ini untuk memperkembangkan Brunei ke-muka dunia. Walaupun pasukan itu hanya membayangkan kampong ayer melahut bakikan, tetapi kerana di-seriti dengan laksana dengan latar belakang yang indah, maka di-perchayal penonton2 di-Barat itu merasa keringanan untuk mengenal Brunei dengan jelas-nya.

Kita merasa kagum atas inisiatif pasukan itu, yang sa-takat ini ramai di-sutara kita hanya mengetahui bahawa tugas Askar Melayu Diraja Brunei ialah untuk mengawal dan mengekalkan keamanan dan ketenteraan.

Kita juga harus menekankan kebanggaan atas usaha pasukan itu yang sa-chara langgeng telah menggunakan kesempatan2 yang berputan untuk mengenalkan Brunei, pentadbir dan adat-istiadat-nya, di-samping memikul tanggung-jawab utama mereka untuk mengawal ketenteraan negara.

Seluruh rakyat ada-lah bersyukur Baginda untuk menyatukan kebanggaan atas kejayaan2 AMDB dan mudah2an usaha2 itu akan sentiasa menempuh kemenangan-nya.





Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika menyampaikan panji2 dari pentas Diraja sa-telah baginda menyampaikan panji2 dalam upacara perbarisan hari jadi AMDB yang ke-10 tahun, yang berlangsung di-padang besar Bandar Seri Begawan.

Lt. Muda Yahya bin Haji Abdi Manaf membawa panji2 Duli Yang Maha Mulia (kiri) dan Lt. Muda Mohd. Jafar bin Haji Abdul Aziz membawa panji2 Colonel-In-Chief (kanan) berjalan lalu di-hadapan pentas diraja.


Pemandangan dari udara ketika Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menerima tabak dari kapal M.V. Bolkiah sa-baik2 saja kapal2 ronda, hovercraft dan assult boat lalu di-hadapan kastam diraja. Upacara tersebut adalah salah satu acara sambutan hari jadi AMDB yang ke-10 pada 31 Mei lepas.



GAMBAR2 DI-SEKITAR SAMBUTAN HARI JADI AMDB YANG KE-10



Duli Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh Pemerintah AMDB, Dato Setia Col. Simpson (di-belakang DYMM) ketika memereka barisan yang terdiri dari anggota AMDB dalam upacara perbarisan di-padang besar Bandar Seri Begawan.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang di-alukan keberangkatan tiba baginda ke-majlis jamuan yang di-adakan di-Mess Pegawai pada malam Isnin 31 Mei lepas.



Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Dato Setia Col. J.J.H. Simpson ketika menyampaikan panji2 Duli Yang Maha Mulia.

Satu pasukan dari 2nd King Edward VI's Own Gurkha Rifles juga turut mengunibai baktian dalam perbarisan pada hari itu.

Sembilan buah 'assult boat' Askar Melayu Diraja yang telah menyertai kapal2 ronda dalam pertunjukan di-Sungai Brunei pada sebelah petang 31 Mei lepas.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan membalas tabak dari atas pentas diraja dalam upacara tersebut.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Colonel-In-Chief pasukan Askar Melayu Diraja Brunei sedang memotong kek hari jadi regiment itu yang ke-10 dalam majlis jamuan yang berlangsung di-Mess Pegawai di-Berakas Kem pada malam Isnin lepas.



Sa-bahagian dari beribu2 orang dari berbagai kaum dan perengkat yang telah menyaksikan perbarisan dan penyampaian panji2 Duli Yang Maha Mulia pada 31 Mei lepas.

Rassulullah s.a.w. pernah berdo'a yang bermaksud: "Wahai Tuhanku, perbaiki-lah kira-nya amalanku di-dalam perkara2 ugama yang mana dia-lah yang memelihara diriku daripada terchebor di-dalam perkara2 yang tiada di-redhai oleh mu, dan perbaiki-lah kira-nya hal ehwal-ku di-dunia yang mana di-dalam-nya penghidupanku, dan perbaiki-lah kira-nya akhiratku yang mana kapada-nya aku akan kembali. Jadikan-lah kira-nya kehidupanku itu menambahkan lagi amal kebajikan-ku dalam segala perkara, dan jadikan-lah kira-nya mautku kerehatan bagiku daripada melihat kejadian2 yang tidak di-ingini".

Daripada do'a yang bernas itu ternyata jelas kapada kita bahawa Islam menggalakkan kapada dua kehidupan, dunia dan akhirat. Islam lebeh suka kapada penganut-nya bekerja untuk menchapai kedua2-nya itu serta berusaha dengan sa-daya upaya dan kebolehan masing2, supaya dapat menikmati kesenangan di-dunia dan kesentosaan di-akhirat nanti.

Rassulullah s.a.w. pernah menegaskan di-dalam sabda baginda yang bermaksud:

...**"Sebaik2 orang daripada kamu ia-lah orang yang tiada meninggalkan akhirat-nya kerana keduniaan-nya dan meninggalkan keduniaan kerana akhirat-nya, dan tiada menjadi bebanan kapada manusia"**.

Dengan ini jelas membuktikan bahawa Islam sentiasa membuka pintu-nya untuk penganut2-nya berusaha dan berikhtiar pada mendapatkan segala kesenangan kelazatan di-dunia yang tiada berlawanan dengan tegahan2 ugama. Ugama Islam membenthi sikap pemalas, menganggor dan berpelok tuboh, kerana dengan ada-nya sikap2 demikian bukan hanya akan menyusahkan orang2 lain, tetapi boleh pula menyusahkan kaum keluarga, masyarakat dan negara. Jika banyak anggota2 masyarakat yang pemalas dan tidak berdaya usaha dan bekerja, maka sudah tentu sa-sebuah negara itu tidak akan dapat menchapai kemajuan dengan baik dan sempurna, malahan tidak mustahil akan terjadi berbagai2 kekacauan dan sebagai-nya. Sikap memileh2 kerja ada-lah juga tidak di-galakkan oleh Islam, kerana sikap demikian ada-lah berlawanan dengan

Ugama Islam benchi pada sikap pemalas



KHUTBAH JUMA'AT

"Sikap memileh kerja ada-lah berlawanan dengan prinsip Islam yang menggalakan umat-nya bekerja dan berusaha"

prinsip Islam yang menggalakan umat-nya bekerja dan berusaha. Islam memandang bahawa sebarang pekerjaan yang boleh mendatangkan hasil dan rezeki yang halal adalah pekerjaan yang baik dan terhormat, ia-nya lebeh baik daripada berharapkan bantuan2 dan ihsan orang lain.

Allah Subhanahu-wataala telah berfirman dalam surat Jasiyah ayat dua belas dan tiga belas yang bermaksud:

...**"Allah yang memudahkan lautan bagi-mu, supaya belayar kapal di-sana dengan izin-nya dan supaya dapat kamu menchari kurniaan (rezeki) mudah2an kamu berterima kaseh kapada-nya. Dia memudahkan bagimu apa2 yang di-langit dan apa2 yang di-bumi semua-nya, sunggoh ten-**

tang, yang demikian itu menjadi beberapa ayat (ke-terangan) bagi kaum yang mahu berfikir".

Tetapi kita hendak-lah jangan lupa bahawa sa-bagai mana Islam menggalakan umat-nya bekerja untuk menchapai kesenangan hidup di-dunia, begitu-lah juga ia-nya menggalakan untuk bekerja bagi mendapatkan kesenangan di-akhirat.

Kedua2-nya mesti sa-jalan dan tidak boleh di-pisah2kan. Kerana kehidupan di-dunia ini matalamat yang di-tuju ia-itu kehidupan abadi di-akhirat yang pesti menunggu kita.

Mari-lah kita sentiasa ingatkan Allah, sentiasa bekerja dan berusaha untuk mendapatkan kesenangan kedua2 kehidupan kita di-dunia dan di-akhirat.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Jun, 1971 hingga ka-hari Selasa 8 Jun, 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
3 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
4 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
5 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
6 Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06	
7 Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06	
8 Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Tutong pileh wakil2 ka-peraduan berzanji

PEKAN TUTONG. — Dyg. Latifah binte Liput dan Awg. Yusof bin Dunglah telah dipileh untuk mewakili Daerah Tutong dalam peraduan berzanji perengkat negeri yang akan berlangsung di-Bandar Seri Begawan.

Dayang Latifah dan Awg. Yusof masing2 telah mendapat

tempat pertama dalam peraduan berzanji perengkat daerah yang telah berlangsung di-mesjid Hassanah Bolkih pada malam Jumaat lepas.

Sementara Persatuan Sengkarai akan mewakili daerah itu dalam peraduan berdzikir.

Peraduan berzanji dan berdzikir ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan bagi mera-

**Jangan
biarkan
binatang2
ternakan
berkeliaran
di-jalan2
kecil**

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-kampung pendalaman Daerah Belait telah di-ingatkan supaya menjaga teranakan2 seperti kerbau, lembu dan babi dari merayau2 terbiar merosakan jalan2 kecil di-daerah itu.

Teranakan2 seperti itu hendak-lah kawal dengan baik dan di-buatkan kandang atau halaman yang semporna supaya dapat menjamin binatang2 itu dari keluar di-jalan2 kecil itu.

Ini telah di-nyatakan oleh Pegawai Daerah Belait, Awg. Haji Ali Khan bin Abdul Khan dalam satu surat yang di-sampaikan kapada semua penduduk yang berkenaan.

Pegawai Daerah itu berkata jabatan-nya telah membena sa-jauh kira2 72 batu jalan kecil itu dan sentiasa berusaha bagi memelihara jalan2 kecil itu untuk menolong mengurangkan kesulitan — yang di-hadapi oleh penduduk2 di-kampung2 pendalaman daerah itu.

Kata-nya, ada-lah mustahil jabatan-nya menghapuskan semua kesulitan yang di-hadapi oleh pengguna jalan kecil itu kerana ia-nya bukan-lah bertaraf sa-bagai 'Jalan Raya' yang boleh di-gunakan sepanjang masa.

Pegawai Daerah itu menyatakan harapan-nya agar pehak2 yang berkenaan akan dapat memberikan kerjasama mereka supaya jangan membiarkan teranakan2 itu berkeliaran dengan tidak terkawal dan merosakkan jalan2 kecil itu.

Kata-nya jalan2 itu ada-lah jalan perhubungan dan kemudahan mereka sendiri dan ada-lah munasabah jalan2 kecil itu di-jaga oleh mereka.

ikan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. di-daerah itu.

Peraduan berzanji dan berdzikir ada-lah kemunchak dari acara dalam Pesta Maulud Perengkat Negeri yang akan berlangsung di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan pada 5 Jun ini.



Menghadhiri kursus memandu kereta chara chermat di-New Zealand

PARA wakil yang menghadhiri satu kursus selama dua bulan mengenai kejuruteraan dan keselamatan di-jalan raya dari negara2 ECAFE (Su-rohanjaya Ekonomi bagi Negara2 Asia dan Timor Jauh) yang berada di-New Zealand membincangkan mata pelajaran enam dalam kursus memandu kereta dengan chermat. Tujuan kursus itu ia-lah untuk mengajar pemandu2 kereta bagaimana hendak mengelakan pelanggaran walau pun pemandu2 lain memandu kereta2 mereka dengan tidak betul atau sebakel-nya. Dasar utama kursus itu ia-lah kemalangan di-jalan raya boleh di-elakkan.

Kursus tersebut sedang diadakan di-bawah arahan Kementerian Pengangkutan New Zealand dan termasuk berbagai ranchangan yang luas dan lengkap di-sertai dengan sharahan2 dan lawatan2 ka-utara dan selatan kepulauan itu bagi menjalani pengetahuan sa-chara praktik.

Brunei telah menghantar Awang Nordin bin Md. Yusof, sa-orang jurutera di-Jabatan Kerja Raya, Brunei untuk menghadhiri kursus tersebut.

Gambar atas menunjukkan dari kiri: Awg. M. Hally, pengsharah kursus itu; Awang Antonio Cruz, jurutera awam, bahagian ranchangan lalu lintas dan penyelidekan, Jabatan Jalan Raya Awam, Filipina; Awang Krushna Kumar, penguasa jurutera, Kementerian Perkapalan dan Pengangkutan (Bahagian Jalan Raya), New Delhi, India; Awang Abid Ali Khan Shir-

wany, jurutera kerja, bahagian mekanik, Bahawalpur, Pakistan Barat; Awg. Tawatchai Choosri, penolong ketua bahagian ranchangan, Bahagian Jalan Raya, Bangkok, Thailand; Awang Nordin bin Mohamad Yusof, jurutera, Brunei; Awang T. Wijesinghe, ketua jurutera, bahagian ranchangan, Jabatan Jurutera (Jalan Raya) Ceylon; Awang J. Apparao, timbalan persuruhjaya pengangkutan, Kerajaan Andhra Pradesh, Hyderabad, India; Awang Yong Woong Kim, penolong ketua, bahagian kenderaan, Kementerian Pengangkutan, Republik Korea; Awang Bui Trong Tieu, pengurus projek bagi mengkaji perbaikan lalu lintas bagi kawasan Saigon, Republik Vietnam. — Kiriman Perkhidmatan Penerangan New Zealand.



Satu rombongan sa-ramai 30 anggota Pulis Diraja yang sedang menghadhiri kursus ulangkaji di-Sekolah Latehan Pulis di-Jalan Muara telah mengadakan lawatan ka-pusta2 pertanian di-Kilanas dan Luahan pada hari Khamis lepas. Gambar atas menunjukkan rombongan tersebut ketika di-bawa melawat pusat pertanian di-Luahan.

JAWATAN2 KOSONG

Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan kosong sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kecil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Mereka mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB 3 — BS180x5-195/EB/200x5-220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-pohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 19hb. Jun, 1971.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chaluun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki sebarang kerosakan kecil.

Tugas2:

Mereka mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — BS200x5-220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-pohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 19hb. Jun, 1971.

Sa-bagai Bidan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari mereka yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan kosong sa-bagai Bidan2 dalam Askar Melayu Diraja Brunei, Berakas Kem Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai bidan yang berkelakuan sa-lama dua tahun.

Sukatan Gaji:

Dalam Sukatan 200x10—230—240—10—270.

Kemudahan2:

Tempat kediaman, pakaian2 seragam dan dhobi perchuma akan di-sediakan.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, di-kembalikan kepada Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, tidak lewat daripada 7 Jun, 1971.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Titah D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

ikuti perkembangan, kecekapan dan kepandaian pasukan ini. Beta ketahui bahawa Awang2 bukan saja satu pasukan perayaan tetapi suatu pasukan yang cekap serta terlatih dan mempunyai moral yang tinggi.

Beta ketahui latehan itu ada-lah berat dan betul2 berlaku apabila Awang2 membuktikan disiplin apabila di-khalayak ramai. Suatu pasukan peronda dalam hutan dimana tidak sa-orang pun boleh melihat Awang2, ini sama juga seperti yang apa yang Awang2 tunjukkan di-perbarisan pada pagi ini. Laila tanggung-jawab Awang2 untuk keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei ini, ini-lah satu perkara yang mustahak serta berat, dengan ini panji2 Awang2 semua ini tanda2 pada melailakan ketahanan hati pada bertanggung-jawab serta semangat dan teridisi pasukan ini.

Terima-lah panji2 yang baharu ini yang mana menambahkan panji2 ayahanda beta Colonel-in-Chief. Terima-lah dan pelihara, bawa-lah ia dengan semangat perwira yang tinggi serta hormati dan jadikan-lah dia untuk peringatan tugas dan tanggung-jawab Awang2.

Tuhan telah pun mengkabulkan kehendak kita supaya di-dalam aman dan damai. Beta memohon kepada Tuhan supaya keselamatan kita ada-lah berpanjangan ia-itu Awang2 pasukan beta bersiap sedia dan mengikuti ajaran agama Islam yang mana mengetahui bahagian yang penting untuk keselamatan dan supaya seluruh penduduk Brunei berada di-dalam keamanan dan kebahagiaan.

Di-hari yang bersejarah ini, beta mengucapkan tahniah di-atas kejayaan Awang2 di-timpoh sepuluh tahun yang pendek ini. Beta berasa bangga kepada Awang2 begitu juga Paduka Ayahanda beta selaku Colonel-in-Chief dan amnya laila seluruh isi Brunei ada-lah berasa bangga pada Awang2 sekalian.

Dengan perasaan riang gembira beta mengisytiharkan pada hari ini bahawa kerajaan baginda Queen telah pun bersetuju perhubungan pasukan 2nd King Edward VII Gurkha Rifles dengan Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah di-jadikan pasukan sahabat. Beta bersetuju di-atas persahabatan ini dan mengeratkan lagi tali persahabatan kerajaan British dengan Brunei. Beta dengan tulus ikhlas menasihatkan kamu hendaknya-lah di atas peri mustahak-nya di-adun dengan sa-beberapa daya supaya pasukan sahabat ini akan menjadi contoh laila tauladan dan mudah2an akan menjadi pujian oleh negeri2 yang baik di-dalam dunia kelak.

Beta berasa sukachita di-atas perhubungan persahabatan ini dengan pasukan 2nd King Edward VII Gurkha oleh kedua2 battalion ini telah pernah berkhidmat di-Brunei semanjak 1962 dan battalion yang pertama ada-lah di-antara satu2-nya battalion yang mula sampai ka-Brunei untuk membantu sa-lepas pemberontakan tahun 1962. Satu pasukan detachment regiment ini ada bersama2 mengambil bahagian dalam perbarisan ini untuk menandakan peristiwa yang bersejarah pada membuktikan laila hasrat hati beta dengan izin Allah Subahanahu-wataala mengukuhkan perjanjian negeri beta Brunei hanya dengan baginda Queen, United Kingdom, Great Britain Northern Ireland ketua Commonwealth mengenai pertahanan bersama dan hal ehwal luar negeri. Dengan ini sama2-lah kita berdo'a mudah2an Tuhan menyertai kita di-tahun2 hadapan dan sa-tiap masa.



Perikatan AMDB dan Askar Gurkha

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perikatan rasmi telah terjalin di-antara Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Kedua King Edward Own Gurkha Rifles.

Peristiwa yang bersejarah itu, telah berlangsung di-satu upacara di-Istana Darul Hana pada hari Khamis lepas.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan selaku Colonel-In-Chief AMDB sedang menyempatkan Keris kepada Brigadier Kent dengan di-perhatikan oleh Duli Yang Maha Mulia (di-tengah2).

Upacara itu telah di-langsung di-hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, yang mewakili Baginda Queen, Colonel-in-Chief, Askar Melayu Diraja Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Colonel Pasokan Kedua King Edward VII's Own Gurkha Rifles, Brigadier S.P.M. Kent, Pemerintah Askar Melayu Melayu Diraja Brunei, Dato Setia Colonel J.J.H. Simpson, Komandan Battalion Askar Gurkha Pertama/Kedua dan Kedua/Kedua, major2 Askar Gurkha dan Askar Melayu Diraja Brunei.

Dalam upacara itu kedua2 pasukan telah bertukar2 hadiah.

Askar Melayu Diraja Brunei telah menghadiahkan dua bilah keris gading dan Pasokan Kedua King Edward's Own Gurkha Rifles, telah membalas dengan terompet yang di-perbuat dari perak.

Dato Setia Colonel Simpson berkata perikatan itu mempertingkatkan hubungan yang amat baik, yang wujud di-antara Askar Melayu Diraja Brunei, dan Pasokan Kedua King Edward's Own Gurkha Rifles.

Dato Simpson berkata, ini-lah pertama kali-nya Askar Melayu Diraja Brunei bersekutu dengan tentera di-luar negeri.

Perikatan di-antara dua pasukan itu bererti, bahawa kemudahan2 kedua2 pasukan itu, boleh di-gunakan oleh satu sama lain.

Pegawai2 dari kedua2 pasukan itu, akan menjadi anggota2 kehormat mess pegawai2 satu sama lain.

Pasokan Gurkha ada-lah tentera British yang pertama mendarat di-Brunei semasa pencerhakaan dalam tahun 1962.

SIGRET DAN MINUMAN KERAS YANG DI-IMPORT UNTUK KEPERLUAN LUAR TIDAK AKAN DI-LAYAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengawal Kastam dan Bea, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Omar mengumumkan hari ini bahawa sigret2 dan minuman2 keras yang di-import ka-negeri ini, kemudian di-export semula keluar negeri tidak akan di-layan pada masa yang akan datang.

“Layanan hanya akan diberi apabila barang2 itu di-import untuk keperluan negeri ini dan oleh yang demikian chukai biasa akan di-kenakan”, tegas beliau.

Beliau selanjut-nya menerangkan bahawa jika barang2 itu kemudian-nya akan di-hantar semula keluar negeri, maka ia-nya hendak-lah menurut prosis Undang2.

Dalam pertemuan khas semalam, Awang Haji Abdul Aziz telah memberikan bayangan2 yang merumitkan pentadbiran Kastam berhubung dengan kesempatan barang2 import yang maseh tersimpan dalam setor2 Kastam hingga masa ini.

Beliau meminta kepada pengimport2 di-negeri ini supaya mengambil segera barang2 mereka de mi untuk melichinkan pentadbiran.

Di-tanya mengenai setor Kastam yang baru di-bena, beliau menyatakan, setor itu telah pun di-gunakan, tetapi di-sebabkan kederasan barang2 yang di-import dan lambat-nya pengimport2 mengambil barang2 mereka, maka kesempatan maseh tidak dapat di-elakkan juga.

Berhubung dengan jenis2 barang yang tersimpan di-dalam

setor2 Kastam itu, beliau menyatakan bahawa sa-lain dari barang2 runchit, bahan2 pembanaan dan lain2-nya, sa bahagian besar ada-lah di-penuhi dengan sigret2 dan minuman2 keras yang akan di-export balek keluar negeri oleh pengimport.

Beliau menggesa pengimport2 sigret dan minuman2 keras untuk keperluan luar negeri itu supaya mengambil barang2 itu dengan segera dengan membayar chukai.

Beliau selanjut-nya menyatakan, pehak2 pengimport tentu saja menyedari bahawa dengan keadaan kesempatan itu, keutamaan ada-lah di-beri kepada barang2 yang di-masokkan untuk keperluan raayat dan negeri ini.

“Selagi setor2 itu di-perlukan oleh pengimport2 bagi keperluan negeri ini, maka keperluan2 lain tentu-lah tidak dapat di-layan”, tegas beliau.

Bekalan pengetahuan penting untuk penghulu2

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan berkata penghulu2, ketua2 kampung dan tuan2 rumah panjang harus menghadapi lebeh benyak masaalah dalam mendalikan tugas-nya sa-hari2 berbanding dari beberapa tahun yang lalu.

Beruchap di-satu kursus bagi penghulu2, ketua2 kampung dan tuai2 rumah panjang di-bilik mashuarat pejabat2 kerajaan Kuala Belait pada hari Sabtu lepas, beliau berkata, mereka mesti-lah mengatasi masaalah2 itu dengan kebijaksanaan dan pendapat yang sehat bagi membolehkan-nya

melaksanakan tugas2 dengan lichen.

Awang Haji Ali Khan berkata, kursus itu di-adakan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang penting yang berhubung dengan tugas dan tanggung jawab mereka terhadap raayat.

Kedua2 Penolong Pegawai Daerah, Awang Sidek bin Yahya dan Awang Abdullah bin Haji Jaafar juga telah beruchap di-kursus itu.

Awang Sidek telah beruchap mengenai aspek2 pentadbiran Pejabat Daerah sementara Awang Abdullah mengenai kemajuan dan perkembangan luar bandar.

Sharahan2 juga di-berikan mengenai tugas dan tanggung jawab pejabat pos, jabatan Imigresen, jabatan Kehutanan, Pejabat Tanah dan Jabatan Pertanian oleh pegawai2 kanan jabatan2 tersebut.